




# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN


## KENYATAAN MEDIA COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

I I Jamadilawal 1444 / 05 Disember 2022

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, kadar purata kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan penurunan yang mana kadar purata kes COVID-19 ialah 503 kes sehari, berbanding dengan kadar pada minggu sebelumnya iaitu 643 kes sehari. Sebanyak 46,245 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 7.5% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.




Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, **dua kes** di dalam Kategori 5 yakni yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **satu kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
  - ii) Sehingga kelmarin, 04 Disember 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **78.9%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **11.3%** juga telah mendapatkan dos keempat.
2. Pada hari ini, sebanyak **458 kes baru** telah dilaporkan iaitu 451 kes hasil ujian ART dan 7 kes adalah hasil dari 176 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

3. Sementara itu, *trend* kes *Influenza* dan jangkitan serupa *Influenza* (*Influenza-like Illness, ILI*) pada minggu lalu terus menunjukkan penurunan dan telah hampir kembali pada kadar normal. Dalam pada itu, orang ramai adalah diingatkan untuk terus berwaspada dan mengambil langkah-langkah pencegahan seperti mengasingkan diri jika mengalami tanda-tanda jangkitan dan mengelakkan dari tempat-tempat yang penuh sesak. Segera berjumpa doktor jika tanda-tanda jangkitan berterusan atau semakin teruk. Mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan mereka yang mempunyai masalah-masalah kesihatan adalah juga dinasihatkan untuk mendapatkan suntikan *Influenza* pada setiap tahun.



4. Di kesempatan ini, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai penambahbaikan kepada ciri *BN on the Move* di dalam aplikasi *BruHealth*. Mulai 8 Disember 2022, pengiraan langkah (*steps*) akan dikemaskini secara automatik apabila aplikasi *BruHealth* dibuka tanpa perlu memasuki halaman *BN on the Move*. Orang ramai adalah digalakkan untuk sering membuka aplikasi *BruHealth* masing-masing untuk membolehkan aplikasi berkenaan mengemas kini kiraan

langkah (*steps*) pemilik akaun. Pengiraan langkah (*steps*) ini juga boleh dikemaskini walaupun semasa berada di luar negara. #BNontheMove.

5. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 11 Jamadilawal 1444H / 05 Disember 2022